



# Melindungi diri anda daripada eksplotasi di tempat kerja



## Tips apabila mencari kerja

- Percayai pertimbangan anda sendiri. Jika sebarang situasi atau individu membuat anda tidak selesa, ikuti naluri tersebut.
- Bawa seseorang bersama anda apabila anda bertemu dengan bakal majikan buat pertama kali.
- Pastikan seseorang yang anda percaya tahu di mana anda berada, terutamanya jika anda pergi ke lokasi kerja yang jauh.
- Beritahu rakan/saudara yang dipercayai jika anda berasa seperti anda berada dalam bahaya atau jika seseorang/situasi adalah mencurigakan.
- Sentiasa simpan semua dokumen peribadi dan pengenalan diri yang penting dalam simpanan anda.
- Simpan nombor penting dalam telefon anda, termasuk nombor seseorang yang anda rasa selamat untuk dihubungi jika anda menghadapi masalah.

- Bawa telefon anda, akses kepada akaun bank anda dan sebarang ubat yang anda perlukan bersama anda pada setiap masa.
- Jika anda fikir anda mungkin berada dalam bahaya serta-merta atau anda sedang mengalami kecemasan, hubungi OOO.



## Petua semasa mempertimbangkan dan memulakan kerja baru

- Pastikan syarat visa anda membenarkan anda bekerja dan melakukan jenis pekerjaan dan waktu kerja yang anda telah bersetuju untuk lakukan.** Jika anda tidak pasti, anda harus mendapatkan nasihat daripada perkhidmatan undang-undang.
- Minta maklumat tentang pekerjaan, termasuk jawatan, tugas, waktu kerja, dan keadaan di tempat kerja.**



- Berhati-hati dengan jawatan yang melibatkan keadaan kerja yang buruk, contohnya:**
  - dibayar di bawah gaji minimum setiap jam. Mulai 1 Julai 2022, gaji Minimum Kebangsaan ialah \$21.38 sejam atau \$812.60 seminggu. Ini meningkat setiap tahun.
  - dikehendaki melengkapkan latihan tanpa gaji untuk mendapatkan pekerjaan atau tidak dibayar semasa tempoh percubaan
  - diancam atau didiskriminasi di tempat kerja
  - diminta bersetuju dengan majikan mengambil sejumlah besar wang daripada gaji anda
  - dikehendaki bekerja dengan waktu yang terlalu panjang atau bekerja lebih waktu daripada yang dibenarkan oleh visa anda
  - dikehendaki bekerja dalam persekitaran kerja yang tidak selamat atau melakukan tugas berbahaya
  - dipantau atau dikawal dalam pergerakan anda ke tempat kerja dan dari tempat kerja
  - dikehendaki tidur di tapak kerja atau di tempat penginapan yang disediakan oleh majikan.
- Pastikan anda mengetahui nama orang atau perniagaan yang sah yang anda akan bekerja atau berjumpa.** Perniagaan juga biasanya mempunyai Nombor Perniagaan Australia (ABN) untuk tujuan cukai. Jika mereka tidak mahu memberikan nama atau ABN mereka, maka anda perlu mengambil langkah dengan berhati-hati.
- Semak perniagaan jika didaftarkan secara sah sebelum mulakan kerja:**
  - Anda boleh membuat pencarian untuk melihat sama ada sebarang perniagaan berdaftar dengan daftar Suruhanjaya Sekuriti & Pelaburan Australia (ASIC).
  - Anda boleh mencari mengikut ABN pada ABN Lookup untuk mengenal pasti nama sah dan jenis perniagaan majikan.
- Berhati-hati apabila bertemu majikan buat kali pertama:**
  - Pertimbangkan untuk membawa seseorang bersama anda dan bukannya pergi bersendirian
  - Cuba membuat pertemuan didalam persekitaran di mana terdapat orang lain di sekeliling anda, atau di tempat awam
- Beritahu seseorang yang anda percayai ke mana anda pergi, siapa yang akan anda temui dan pukul berapa anda dijangkakan untuk kembali.
- Pastikan anda berasa selesa sebelum memberikan maklumat peribadi anda (seperti alamat rumah anda) atau salinan dokumen pengenalan diri (seperti pasport anda).** Anda hendaklah sentiasa menyimpan dokumen asal dalam simpanan anda.
- Sebelum memulakan kerja, pastikan anda dan majikan telah berbincang dan bersetuju dengan pengaturan kerja anda.** Sebagai contoh:
  - Dengan meminta dan menyimpan salinan kontrak pekerjaan bertulis
  - Dengan memastikan anda telah membaca dan memahami mana-mana kontrak yang anda akan tandatangani.
  - Jika tiada kontrak bertulis disediakan, simpan rekod anda sendiri tentang perkara yang anda dan majikan telah bincangkan dan persetujui tentang kerja anda.
- Simpan rekod tentang kerja anda, supaya anda mempunyai bukti yang cukup untuk membuktikan pengalaman anda, termasuk:**
  - menyimpan rekod dan menjelaki waktu kerja anda
  - menyimpan salinan dokumen penting tentang pengaturan kerja anda
  - menyimpan rekod atau bukti keadaan di tempat kerja anda
  - menyemak jumlah dalam slip gaji anda sepadan dengan jam yang anda telah bekerja. Setiap majikan mesti memberi pekerja mereka slip gaji dengan tetap.

